



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UKQE 3001

SECTION 22

LAPORAN REFLEKSI
(B)

NAMA: NUR AIN FATHIAH BINTI MOHD ROSLI

MATRIC: A18GH0069

I/C: 991027-03-5036

TARIKH HANTAR: 18 MEI 2021

NAMA PENSYARAH: SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1.0	Pengenalan	3
2.0	Refleksi	4-5
3.0	Kemahiran	6-7
4.0	Penutup	8
5.0	Appendix	9-10

1.0 PENGENALAN

Program: Tun Fatimah Goes Green

Tarikh: 8-14 Mac 2019

Jawatan: Ajk Aktiviti

Bagi laporan refleksi B saya memilih untuk membuat laporan tentang program yang diadakan di Kolej Tun Fatimah yang mendapat kerjasama dari kelab-kelab persatuan yang ada seperti Kelab Bumi Hijau, Kelab Sukarelawan, Biro Kelestarian dan Alam Sekitar dan Biro Teknikal dan Aset Kolej Tun Fatimah. Untuk program ini kami menggabungkan semua kelab dan saya merupakan ahli Kelab Sukarelawan dan memegang jawatan sebagai ajk aktiviti sepanjang program berlangsung. Program ini bertujuan untuk menyedarkan pelajar-pelajar kolej untuk menjaga dan mementingkan kebersihan kolej dan alam sekitar.

Sepanjang program berlangsung, terdapat tiga aktiviti utama yang dijalankan iaitu program menghias blok yang dilakukan di blok H02 sehingga H05, program gotong-royong dan program ceramah tentang kesedaran kitar semula. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada pelajar-pelajar Kolej Tun Fatimah. Persiapan untuk memastikan program berjalan dengan jayanya dibantu dengan sangat baik antara ahli kelab persatuan mahupun ada pelajar yang tidak memegang jawatan untuk program itu.

Untuk aktiviti menghias blok, kami menjemput pengetua Kolej Tun Fatimah iaitu Dr Noor Mala binti Ibrahim dan felo-felo ktf untuk menjadi juri bagi penilaian Blok Tercantik dan untuk ceramah Prof Ir. Dr Mohd Fadhil Md. Din dijemput untuk memberi ceramah tentang kesedaran kitar semula. Untuk aktiviti gotong-royong, pelajar kolej ktf yang turun padang untuk membersihkan kawasan kolej.

2.0 REFLEKSI

Untuk refleksi saya akan menceritakan keseluruhan aktiviti yang berlaku sepanjang program. Bagi permulaan program, saya memilih untuk menjadi jawatan sebagai ajk aktiviti untuk program ini bersama-sama rakan sekelas saya. Skop kerja saya sebagai ajk aktiviti adalah saya perlu menjaga pengetua dan felo-felo semasa mereka menilai blok dan perlu menjaga pelajar-pelajar untuk membersihkan kawasan blok H02 dan H03. Disini, saya belajar kemahiran untuk bercakap dengan pelajar-pelajar dan pensyarah dan menyesuaikan diri untuk menjadi ketua yang menjaga pelajar untuk melakukan gotong-royong. Selain itu, kemahiran berkerjasama juga ada semasa melakukan gotong-royong kerana saya bersama-sama pelajar yang lain menyapu sampah, mengumpul sampah dan mengangkat sampah bersama-sama.

Selain menjadi ajk, sepanjang program itu juga saya mengambil peluang untuk membantu rakan-rakan blok saya iaitu H02 untuk menghias blok untuk pertandingan Blok Tercantik. Kami seperti ahli keluarga yang berkumpul bersama-sama demi mencantikkan blok kami walaupun ada antara ahli blok yang saya tidak kenal tetapi disebabkan ada matlamat yang sama, kejanggalan yang wujud tidak terasa. Disini juga wujud kemahiran kerjasama dan menyesuaikan diri di dalam situasi yang berbeza. Pelajar diberi 3 hari untuk menghias blok masing-masing.

Pada malam 13 mac 2019 juri-juri yang dijemput iaitu pengetua ktf ,Dr Noor Mala dan felo-felo datang untuk membuat penilaian blok. Semasa malam penilaian, pengetua dan felo-felo perlu menilai 4 buah blok. Disini, saya belajar untuk bercakap dengan pensyarah dan mengikut mereka bersama-sama mendaki tingkat tiga setiap blok dan bersama-sama menikmati setiap hiasan yang dilakukan oleh pelajar blok yang terlibat.

Di dalam setiap program, malam raptai perlu dilakukan banyak kali untuk memastikan kelancaran program. Semasa membuat malam raptai, kebetulan saya juga perlu menyiapkan tugas dan menyebabkan saya memendam rasa tidak puas hati kerana malam raptai mengambil masa yang lama dan dilakukan banyak kali. Tetapi disebabkan saya tidak pernah lalui malam raptai kerana ini merupakan jawatan pertama saya pegang untuk menguruskan program jadi saya pesan pada diri bahawa ini adalah peluang yang jarang saya dapat jadi saya perlu pandai menguruskan masa. Saya percaya bahawa kesabaran dan disiplin dalam mengurus masa sangat diperlukan apabila kita menyertai program kerana kita perlu membahagi masa antara akademik dan kokurikulum.

Pada malam penutup majlis, saya dan ahli kelab yang lain perlu menjaga pengerakan pelajar kerana kerana pelajar-pelajar susah untuk dikawal apabila berada di dalam dewan. Pada malam tersebut, terdapat ceramah tentang kesedaran kitar semula yang disampaikan oleh Prof Ir. Dr Mohd Fadhil Md. Din. Dr Mohd Fadhil menerangkan tentang kepentingan kitar semula. Semasa, ceramah, saya memerhatikan sikap pelajar yang bercakap, tidak fokus dan membuat tugas mereka. Disini saya sedar yang saya juga pernah melakukan perkara yang sama dan timbul perasaan marah ketika pelajar-pelajar tersebut. Disebabkan itulah, saya usahakan diri untuk diam sekiranya saya menyertai program-program ceramah kesedaran.

Setelah habis ceramah, program diteruskan untuk mengumumkan Blok Tercantik dan pemenenangnya adalah blok H05. Setelah selesai pembahagian hadiah dan majlis penutup, saya dan ahli kelab yang lain bersama-sama mengemas dewan sri alam dan meneruskan dengan sesi post mortem. Semasa sesi ini, saya tidak ada apa-apa yang ingin dicakap kerana bagi proses perjalanan program sangat baik. Program ini adalah program pertama saya walaupun sebagai ajk tetapi ilmu dan kemahiran yang saya belajar saya banyak gunakan apabila menguruskan program lain. Saya percaya dengan semangat dan sikap positif saya dapat menyesuaikan diri dalam mana-mana program yang saya akan uruskan.

3.0 KEMAHIRAN

1. Kemahiran Menyesuaikan Diri

- Kemahiran ini saya dapat apabila saya perlu menjaga juri-juri iaitu pengetua kolej dan felo-felo untuk menilai blok yang cantik. Disini saya perlu bercakap dengan mereka dan saya seorang yang pemalu jika ingin memulakan komunikasi tetapi disebabkan semua felo-felo peramah saya dapat menyesuaikan diri dengan mereka.
- Saya juga rasa kemahiran ini saya gunakan apabila saya perlu melakukan kerja dengan ahli kelab yang lain memandangkan program ini adalah program kerjasama antara kelab-kelab lain saya perlu cepat untuk menyesuaikan diri. Memandangkan semua ahli sangat peramah, saya lebih cepat sesuaikan diri saya dengan mereka.

2. Kemahiran Kerjasama

- Kemahiran ini saya dapat apabila berkerjasama untuk membantu mengawal pergerakan pelajar semasa malam penutup program, ketika itu pergerakan pelajar perlu kerana pelajar sangat ramai dan berebut-rebut untuk keluar setelah selesai majlis penutupan program.
- Berkerjasama dengan pelajar-pelajar kolej untuk bergotong-royong membersihkan kawasan kolej.

3. Kemahiran Berkomunikasi

- Kemahiran ini diperolehi apabila saya perlu bercakap dengan ahli kelab yang baru kenal, bercakap dengan pengetua dan felo-felo ktf semasa malam penilaian blok tercantik dan bercakap dengan perkerja-perkerja di ktf untuk meminjam barang mereka.

4. Kemahiran Berfikir

- Kemahiran berfikir juga saya dapat semasa menyertai program ini. Kemahiran ini timbul apabila kelab kami kekurangan peralatan untuk aktiviti gotong-royong dan pada masa itu saya mencadangkan untuk pinjam peralatan mencuci daripada tukang sapu di ktf.

5. Kemahiran Motivasi Diri

- Semasa membuat program, ada perasaan yang tidak senang dalam diri saya kerana pada masa itu ahli kelab ingin membuat raptai tetapi pada yang sama saya juga ada tugas dan untuk membuang rasa itu saya pesan pada diri sendiri yang saya harus kuat dan mesti pandai mengurus masa untuk membuat tugas dan aktiviti lain.

4.0 KESIMPULAN

Perkara yang dapat saya simpulkan dari program ini adalah ia memberi pengetahuan baharu kepada saya untuk menguruskan program walaupun saya hanya memegang jawatan yang ajk sahaja tetapi saya tetap dapat belajar perkara baru. Program ini adalah program pertama saya yang saya uruskan bersama ahli persatuan yang lain dan saya memegang jawatan. Sepanjang program berlangsung saya banyak belajar, antaranya ialah saya belajar untuk membuat report, membuat running order untuk program dan belajar bersabar sepanjang program berlangsung.

Perasaan kesedaran saya juga muncul semasa membuat program ini, sebelum ini saya hanya menyertai sahaja program dan saya suka datang lambat ke program, suka keluar awal dan suka bercakap sepanjang program ceramah. Tetapi setelah saya menyertai sebagai ajk, saya sedar bahawa perangai-perangai seperti itu tidak elok sebenarnya kerana ketika saya jadi ajk, saya memerhati tindakan pelajar-pelajar yang buat seperti saya dan saya dapat lihat bahawa pengetua, felo-felo dan penceramah tidak suka dan merasakan ia seperti tidak hormat majlis kerana ia menimbulkan suasana yang bising semasa program berjalan. Disebabkan kesedaran ini, saya telah ubah diri saya untuk tidak pentingkan diri dengan menghormati majlis kerana saya faham apa yang dirasai oleh ajk program sekiranya pelajar bercakap semasa majlis.

Saya tidak nafikan bahawa menjadi ajk untuk program Tun Fatimah Goes Green banyak mengajar saya untuk menguruskan program dan perlulah mengamalkan sikap sabar, rendah diri dan sentiasa disiplin. Alhamdulillah, saya bukan sahaja mengamalkan sikap ini dalam program ini sahaja tetapi apabila saya menyertai program lain walaupun hanya menjadi peserta. Saya bersyukur kerana dapat menjadi sebahagian dalam program ini.

5.0 APENDIX



Poster



Taklimat gotong-royong



Gotong- royong membersihkan blok



Malam Penilaian Blok Tercantik



Contoh yang dihias oleh penghuni blok



Sesi bergambar setelah habis sesi penilaian blok



Pembukaan Majlis



Sesi bergambar selepas majlis penutup Tun Fatimah Goes Green



Bergambar bersama ahli kelab persatuan